

# Tindakan golongan fanatik berpandangan sempit — Muhyiddin

KUALA LUMPUR 30 Jun — Cubaan untuk menghalang pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan para wakil pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan merupakan tindakan golongan fanatik yang berpandangan sempit.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, mereka yang terbabit sepatutnya bersikap terbuka dan melihat pertemuan itu sebagai peluang terbaik untuk para pelajar bersemuka dengan Perdana Menteri untuk menyuarkan pandangan mereka secara tertib.

"Ia adalah tidak wajar, mereka tidak ada hak untuk berbuat begitu kerana kampus ini untuk semua, apa lagi pemimpin negara.

"Ini menunjukkan sikap fanatik dan malang sekali jika ada di kalangan mahasiswa atau sesiapa sahaja yang mempunyai pandangan begitu sempit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan

Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru, di Universiti Malaya (UM), hari ini.

Beliau mengulas gerakan mengedar risalah menghasut bertujuan menghalang kehadiran Perdana Menteri bagi menutup simposium itu dan berdialog dengan para pemimpin pelajar, esok.

---

## Sikap terbuka

Simposium dua hari itu diadakan di Dewan Perdanasiswa UM selepas lokasi asalnya, Dewan Tunku Canselor (DTC), musnah dalam kebakaran awal pagi semalam.

Menurut Muhyiddin, golongan terbabit sepatutnya bersikap terbuka dan bersedia untuk menerima pandangan daripada Perdana Menteri.

"Ia merupakan peluang untuk mahasiswa berinteraksi dan berdialog dengan Perdana Menteri, bersemuka dengannya selaku ketua

negara dan menyampaikan apa sahaja di majlis dialog yang saya difahamkan, hampir tiga jam," katanya.

Muhyiddin turut melahirkan rasa sedihnya terhadap kehilangan DTC selaku sebuah bangunan bersejarah yang menjadi pentas kelahiran ramai graduan termasuk para pemimpin negara sejak ia dibangunkan 35 tahun dahulu.

"DTC itu merupakan mercu tanda, saya sendiri menerima ijazah di situ pada tahun 1970 dahulu," jelasnya.

Beliau berkata, persatuan bekas pelajar UM dan pentadbiran universiti akan membuat inisiatif melancarkan tabung kutipan bagi memulihkan semula DTC kembali seperti sedia kala.

"Saya yakin kerajaan akan menampung (kos baik pulih) tetapi kita hendaklah tunjukkan komitmen kita, rasa cinta kita kepada universiti," ujarnya.